  - 5.1 Anda hendaklah menghantar kepada kami semua dokumen dan maklumat yang kami perlukan dalam bentuk yang diminta oleh kami, dan dokumen-dokumen serta maklumat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada laporan perubatan daripada Pengamal Perubatan Yang Berdaftar - sila ambil perhatian bahawa dokumen-dokumen dan maklumat tersebut harus disediakan oleh anda dengan kos ditanggung sendiri;
  - 5.2 Anda hendaklah memasukkan tuntutan untuk manfaat dan semua dokumen dan maklumat yang berkaitan yang kami perlukan dalam masa Enam Puluh (60) hari daripada tarikh kejadian yang mengakibatkan tuntutan; dan
  - 5.3 Anda hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan yang dijalankan oleh mana-mana Pengamal Perubatan Yang Berdaftar yang dilantik oleh pihak kami, jika kami berkehendak demikian.Tiada tindakan, samada dari segi undang-undang atau ekuiti, boleh diambil ke atas mana-mana tuntutan bagi Sijil ini sebelum berakhirnya Enam Puluh (60) hari setelah mematuhi semua syarat-syarat mutlak yang telah dinyatakan di atas.
6. Jika anda ingin mempertikai mana-mana keputusan kami yang timbul daripada Sijil ini, sila rujuk kepada:
  - 6.1 Unit Aduan HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.**  
P.O. Box 13343, 50806 Kuala Lumpur  
(Tel: 1800-88-9659, Faks: 03-20310833)
  - 6.2 Biro Pengantaraan Kewangan**  
Tingkat 25, Dataran Kewangan  
Darul Takaful  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel: 03 - 2272 2811, Faks: 03 - 2274 5752; atau
  - 6.3 Jabatan Konsumer & Amalan Pasaran**  
Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel : 03 - 2698 8044, Faks: 03-2691 4086)Sila berhubung dahulu dengan mereka sebelum anda melaporkan aduan secara bertulis.
7. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai Takaful, anda boleh menghubungi BNMLINK dan BNMTELELINK di:

#### 7.1 BNMLINK

Jabatan Komunikasi Korporat  
Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2698 8044 sambungan 8950 / 8958  
Fax: 03-2174 1515

#### 7.2 BNMTELELINK

Tel: 1-300-88-5465 (LINK)  
E-mail: [bnmteleshink@bnm.gov.my](mailto:bnmteleshink@bnm.gov.my)

Waktu operasi BNMLINK dan BNMTELELINK ialah:  
Isnin - Jumaat, 9.00 a.m. - 5.00 p.m.

8. Kami boleh dihubungi di 1-800-88-9659. Jikalau perlu anda juga boleh faks kepada kami di 03-2031 0833 atau tulis kepada Peti Surat 13343, 50806 Kuala Lumpur. Kami komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mengalu-alukan sebarang cadangan berhubung perkhidmatan kami

## B. Peruntukan Am

### 1. Makna dan Definisi

1.1 Di dalam Sijil ini, kecuali jika ada sesuatu di dalam subjek atau konteks yang berlawanan:-

"Anda" merujuk kepada Peserta seperti yang dinamakan di dalam Jadual Takaful.

"**Dana Risiko Am**" bermaksud dana risiko yang kami kendalikan untuk tujuan Sijil ini. Ianya adalah untuk manfaat dan perlindungan menyeluruh kesemua Peserta menerusi prinsip-prinsip Takaful.

"**HSBC Group**" bermaksud HSBC Holdings plc dan anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu.

"**Jumlah Yang Dilindungi**" bermaksud jumlah yang dilindungi seperti yang tercatat di dalam Jadual Takaful.

"**Kemalangan**" bermaksud kejadian yang berlaku tanpa diduga dan dijangka secara ganas, luaran dan boleh dilihat, yang mana dengan sebab kejadiannya menjadi penyebab tunggal dan tindakan langsung yang menyebabkan kematian atau kecederaan anggota.

"**Maklumat Peribadi**" bermaksud semua maklumat yang anda berikan kepada kami dan hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada maklumat peribadi dan maklumat transaksi bersama atau melalui kami sama ada di dalam atau di luar Malaysia yang melibatkan pihak lain.

"**Manfaat Takaful**" bermaksud jumlah yang dilindungi, bagi setiap kejadian yang dilindungi seperti yang tercatat di Jadual Takaful.

"**Orang Yang Dilindungi**" bermaksud:

- i. peserta sahaja, jika skim yang dipilih mengikut Jadual Takaful adalah Skim Perseorangan; dan
- ii. jika skim yang dipilih mengikut Jadual Takaful adalah Skim Perseorangan dan Keluarga,:
  - (a) Peserta;
  - (b) Pasangan anda yang diiktiraf di sisi undang-undang dan dinamakan di dalam Jadual Takaful;
  - (c) Anak-anak:
    - (c1) anda;
    - (c2) tin anda; dan
    - (c3) angkat anda yang sah di sisi undang-undang;

YANG berumur sekurang-kurangnya Satu (1) bulan dan di bawah Dua puluh Tiga (23) tahun dan masih bergantung kepada ibubapa, masih belajar secara penuh masa, tidak berkahwin dan tidak berada dibawah pekerjaan yang memberi keuntungan.

"**Pengendali Takaful**" atau "**kami**" adalah merujuk kepada HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Sdn. Bhd.

"**Pengamal Perubatan Berdaftar**" bermaksud seorang yang layak untuk mengamalkan perubatan cara barat dan telah berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan di Malaysia untuk mengamalkan perubatan mengikut skop yang dibenarkan oleh pihak berkuasa tersebut dan oleh latihannya, tetapi tidak termasuk anda, pasangan anda dan saudara terdekat.

"**Peserta**" bermaksud orang yang dinamakan sebagai peserta di dalam Jadual Takaful. Hanya Peserta boleh menggunakan semua hak, kelebihan dan pilihan di bawah Sijil ini.

"**Sijil**" bermaksud Sijil Takaful PA Shield ini (termasuk seksyen-seksyen yang berkaitan dengan Jadual Takaful), borang cadangan, Jadual Takaful dan semua endorsmen.

"**Sijil Takaful**" bermaksud halaman maklumat yang kami keluarkan untuk anda berkenaan dengan Sijil ini, yang mana ianya mengandungi, antara lain, perincian manfaat yang berkaitan, kekerapan dan jumlah sumbangan yang perlu dibayar serta Jumlah Yang Dilindungi.

"**Tindakan Pengganas**" bermaksud sesuatu tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau keganasan dan/atau ugutan oleh mana-mana orang atau kumpulan, samada bertindak berseorangan atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited kepada politik, agama, ideologi atau untuk tujuan yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam, dalam ketakutan.

"**Tarikh Permulaan**" bermaksud Tarikh Permulaan yang tercatat di dalam Sijil Takaful dan tarikh yang mana perlindungan di bawah Sijil ini bermula.

"**Tabarru**" bermaksud derma, hadiah atau sumbangan. Dalam Sijil ini, Tabarru bermaksud derma bagi tujuan Takaful.

"**Takaful**" bermaksud satu skim yang berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan tolong menolong yang menyediakan bantuan kewangan dan pertolongan kepada peserta-peserta di dalam satu skim, jika perlu, dimana semua peserta telah bersetuju untuk menyumbang untuk tujuan tersebut.

"**Wakalah**" bermaksud perlantikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk bertindak bagi pihaknya. Dalam konteks Sijil ini, anda telah dianggap sebagai melantik kami untuk menguruskan Dana Risiko Am bagi pihak anda.

## 2. Asas Sijil

2.1 Sijil ini dikeluarkan berasaskan dan bergantung kepada cadangan beserta dengan semua dokumen, representasi, maklumat dan bukti perubatan yang kami terima berkenaan dengan anda dan Orang Yang Dilindungi.

2.2 Kami mempunyai pilihan untuk membatalkan Sijil ini:

- (a) jika mana-mana dokumen, representasi, maklumat atau bukti perubatan adalah palsu atau tidak benar; atau
- (b) jika mana-mana dokumen, representasi, maklumat atau bukti perubatan yang sepatutnya diberikan kepada kami, tidak diberi.

## 3. Tiada Penyerahan Hak

Sijil ini beserta manfaat-manfaat di bawahnya tidak boleh diserahkan dan notis untuk apa-apa penyerahan hak tidak akan memberi apa-apa kesan.

## 4. Penamatan

4.1 Sijil ini akan tamat dengan serta-merta:

- (a) apabila kami menerima arahan dari anda untuk menamatkannya;
- (b) apabila Peserta meninggal dunia;
- (c) apabila Jumlah Yang Dilindungi telah dibayar sepenuhnya;
- (d) apabila berakhirnya bulan dalam mana anda mencecah usia Tujuh Puluh (70) tahun; atau
- (e) apabila berakhirnya tempoh perlindungan berbayar.

MANA-MANA yang lebih dahulu.

## **5. Pertukaran Pekerjaan, Tanggungjawab, Tugas dan Perubahan Lain Yang Berkaitan**

5.1 Anda hendaklah memberi notis bertulis kepada kami sebaik sahaja anda mengetahui apa-apa perubahan kepada pekerjaan, tanggungjawab, tugas dan apa-apa perubahan lain yang relevan berkenaan Orang Yang Dilindungi, yang boleh menambah kemungkinan untuk tuntutan di bawah Sijil ini. Jika pada masa tuntutan dibuat, telah ada perubahan pada pekerjaan, tanggungjawab, tugas atau apa-apa perubahan berkaitan, kami berhak untuk membetulkan Jumlah Yang Dilindungi yang boleh dibayar di bawah Sijil ini bagi menyamai perubahan tersebut.

## **6. Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Bag' Keganasan**

6.1 Jika kami mengetahui atau mengesyaki dengan sebab yang berasas, bahawa Sijil ini digunakan untuk tujuan aktiviti wang haram dan/atau untuk membiayai keganasan dan/atau manerima arahan/permintaan yang akan menjurus kepada pelanggaran undang-undang, kami berhak untuk menamatkan Sijil ini dengan serta-merta. Kami akan menguruskan semua sumbangan yang telah dibayar dan semua manfaat/jumlah yang dibayar berkenaan Sijil ini, menerusi apa cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak tertakluk kepada memberikannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

## **7. Setuju untuk Mendedahkan Maklumat Peribadi**

Anda dengan ini bersetuju dan mengesahkan bahawa segala maklumat yang diperolehi daripada Orang yang Dilindungi adalah mendapat persetujuan daripadanya untuk kami gunakan, dedahkan, pindah atau kongsi:

- 7.1
- (a) kepada mana-mana kumpulan syarikat HSBC atau agen;
  - (b) kepada pihak ketiga untuk memudahkan pengurusan peniagaan kami atau operasi prosedur dalaman kami;
  - (c) kepada Bank Negara Malaysia atau pihak berkuasa;
  - (d) kepada pihak ketiga iaitu industri insurans atau Takaful yang bertujuan untuk penyelenggaraan pengkalan data, analisis statistik, anti-penipuan, pengesahan tuntutan atau urusan operasi;
  - (e) untuk pencegahan atau membantu dalam penyiasatan aktiviti jenayah atau penipuan; dan
  - (f) untuk mamatuhi undang-undang yang berkaitan.
- 7.2 Anda hendaklah memaklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan di dalam Maklumat Peribadi. Kami tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung berkaitan ketidaktepatan Maklumat Peribadi.

## **8. Tafsiran**

8.1 Dalam Sijil ini, kecuali dinyatakan sebaliknya:

- (a) tajuk-tajuk dimasukkan untuk tujuan kesenangan sahaja dan tidak akan memberi kesan kepada pembentukan Sijil ini;
  - (b) rujukan kepada orang perseorangan juga termasuk kumpulan orang perseorangan, persatuan, rakan kongsi dan badan yang diperbadankan dan tidak diperbadankan;
  - (c) perkataan termasuk yang berbentuk mufrad, juga termasuk perkataan majmuk dan sebaliknya di mana bersesuaian; dan
  - (d) perkataan yang merujuk kepada jantina termasuk setiap jantina.
- 8.2 Setiap satu peruntukan dalam Sijil ini adalah berasingan dan berbeza antara satu sama lain dan jika satu atau lebih daripada peruntukan-peruntukan tersebut menjadi tidak sah atau terbatal, penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain dalam Sijil ini tidak akan, walau dengan apa cara sekali pun, terjejas atau berkurangan.

## **9. Sumbangan Tidak Berbayar**

9.1 Jika Sumbangan yang dikenakan untuk Sijil ini tidak dibayar dalam masa Tiga Puluh (30) hari daripada tarikh tamat Sijil, Sijil ini akan ditamatkan serta-merta.

## **10. Matawang**

Sumbangan dan Manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini dibuat di dalam matawang Ringgit Malaysia.

## **11. Pengurusan Undang-Undang**

Sijil ini haruslah diuruskan dan ditafsirkan mengikut undang-undang di Malaysia.

## **12. Subrogasi**

Kami berhak untuk melaksanakan, di atas pembiayaan sendiri, di atas nama Orang Yang Dilindungi ke atas pihak ketiga di mana mereka boleh bertanggungjawab ke atas kejadian tuntutan Sijil ini.

### C. Sumbangan Dan Fi

#### 1. Sumbangan

- 1.1 Sijil ini dikeluarkan dan manfaat-manfaat di bawah Sijil ini akan disediakan kepada anda sebagai balasan kepada pembayaran sumbangan yang telah ditetapkan.
- 1.2 Sumbangan yang perlu dibayar pada setiap bulan adalah tercatat di Jadual Takaful.
- 1.3 Kami akan terus menerima sumbangan yang telah ditetapkan pada atau sebelum tarikh is patut dibayar, jika tidak Sijil ini akan ditamatkan mengikut peruntukan-peruntukan di atas.

#### 2. Status Sumbangan Apabila Kontrak Tamat

- 2.1 Jika sumbangan telah dibayar untuk apa-apa tempoh selepas tamatnya Sijil ini, kami akan memulangkan sumbangan yang tidak digunakan kepada anda.
- 2.2 Kami akan mempunyai lien pertama ke atas semua wang yang dibayar di bawah Sijil ini untuk menampung mana-mana sumbangan tidak dibayar dan kami, pada bila-bila masa, akan menggunakan wang tersebut untuk tujuan pembayaran sumbangan tidak dibayar.

#### 3. Fi Wakalah

- 3.1 Setiap Sumbangan hendaklah tertakluk kepada Fi Wakalah yang dibayar kepada kami.
- 3.2 Di bawah pelan ini, Fi Wakalah adalah ditetapkan pada kadar 55% daripada jumlah sumbangan bagi setiap sumbangan yang dibayar setiap bulan.

### D. Dana

#### 1. Dana Risiko Am dan Pembahagian Wang Lebihan

- 1.1 Sumbangan yang dibayar (setelah ditolak Fi Wakalah) bagi Sijil ini akan diagihkan ke Dana Risiko Am anda.
- 1.2 Dana Risiko Am adalah untuk manfaat bersama semua peserta dan is menyediakan perlindungan kewangan melalui prinsip-prinsip Takaful.
- 1.3 Kami akan menguruskan Dana Risiko Am mengikut prinsip-prinsip Syariah dan akan mengelak daripada menggunakan aset-aset dari Dana Risiko Am untuk tujuan pelaburan sekuriti dan aset yang dilarang oleh Syariah.
- 1.4 Semua kos, perbelanjaan, caj-caj dan levi-levi untuk penyelenggaraan dan pelaburan aset-aset di dalam Dana Risiko Am dan apa-apa perbelanjaan lain yang berkaitan akan ditanggung dan dibayar oleh Dana Risiko Am. Duti setem yang perlu dibayar akan ditolak daripada Dana Risiko Am.
- 1.5 Kami diberi kuasa dan mungkin akan mendapatkan retakaful/reinsurans jika difikirkan perlu berkenaan dengan Dana Risiko Am/perindungan Takaful di bawah Sijil ini. Semua keuntungan (jika ada) daripada retakaful/reinsurans tersebut akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko Am.
- 1.6 Bersesuaian dengan aturan-aturan Syariah, kami akan bertanggungjawab di atas apa-apa kerugian yang terbukti terhadap aset-aset di dalam Dana Risiko Am, jika kerugian tersebut adalah disebabkan oleh kegagalan kami untuk mematuhi Sijil ini.
- 1.7 Aset-aset dan liabiliti-liabiliti Dana Risiko Am akan dinilai pada setiap akhir tahun kewangan dan prinsip-prinsip aktuari akan digunakan untuk mengira lebihan yang timbul. Bayaran tuntutan serta peruntukan-peruntukan, perbelanjaan takaful semula/insurans semula, simpanan teknikal, simpanan penstabilan dan apa-apa defisit dibawa ke depan akan dipertimbangkan apabila pengiraan lebihan yang timbul dibuat.
- 1.8 Kami akan berusaha untuk menguruskan Dana Risiko Am untuk mengurangkan risiko yang wujud, dalam masa yang sama menambah lebihan dengan menggunakan polisi underait yang berhemat.
- 1.9 Sebagai balasan kami menyelenggara dan mentadbir Dana Risiko Am, kami berhak mendapat yuran insentif yang merangkumi Lima Puluh Peratus (50%) daripada lebihan yang timbul. Baki sebanyak Lima Puluh Peratus (50%) daripada mana-mana lebihan yang timbul akan dibahagikan kepada peserta-peserta yang layak. Jika pembayaran lebihan kepada peserta adalah kurang atau sama dengan RM10, lebihan itu akan didermakan kepada organisasi kebajikan yang terpilih yang mendapat persetujuan dari Jawatankuasa Syariah Pengendali Takaful.
- 1.10 Jika Dana Risiko Am berada dalam keadaan defisit, kami akan memberikan pembiayaan tanpa faedah (Qard) daripada dana pemegang syer kami untuk menambah defisit tersebut. Lebihan akan hasil daripada Dana Risiko Am akan digunakan untuk membayar balik pembiayaan tersebut kepada kami sebelum pembahagian lebihan kepada peserta-peserta dan kepada kami.

## E. Manfaat

### 1. Manfaat

1.1 Kami akan membayar manfaat yang merangkumi peratusan daripada Jumlah Yang Dilindungi berdasarkan kejadian-kejadian yang ditetapkan di jadual di bawah, jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia atau mengalami kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh Kemalangan, jika kematian atau kecederaan tubuh badan tersebut terjadi dalam masa Seratus Lapan Puluh (180) hari daripada tarikh Kemalangan:

Jadual Manfaat	Peratus Jumlah Yang Dilindungi
<b>1. Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh Kekal</b>	
a) Kematian	100%
b) Kehilangan dua atau lebih anggota (mata, tangan dan kaki)	100%
<b>2. Hilang Upaya Kekal dan Sementara</b>	
a) Kehilangan satu anggota (mata, tangan dan kaki)	50%
b) Hilang pendengaran kedua-dua telinga	75%
c) Hilang pendengaran sebelah telinga	25%
d) Hilang pertuturan	50%
e) Hilang satu jari tangan selain daripada ibu jari, jaii telunjuk atau jari tengah	7%
f) Hilang jari tengah	10%
g) Hilang jari telunjuk	10%
h) Hilang ibu jari	15%
i) Hilang dua jari dari tangan yang sama, tidak termasuk ibu jari	20%
j) Hilang dua jari] dari tangan yang sama, termasuk ibu jari	25%
k) Hilang tiga jari] dari tangan yang sama, tidak termasuk ibu lan	27%
l) Hilang tiga jari dari tangan yang sama, termasuk ibu jari	32%
m) Hilang empat jari dari tangan yang sama, tidak termasuk ibu jari	35%
n) Hilang empat jari dari tangan yang sama, termasuk ibu jari	40%
o) Hilang lima jari dari tangan yang sama	50%
p) Hilang satu jari kaki, kecuali ibu jari kaki	3%
q) Hilang ibu jaii kaki	10%
r) Hilang dua jari dari kaki yang sama, tidak termasuk ibu jari	5%
s) Hilang dua jari dari kaki yang sama, termasuk ibu jari	13%
t) Hilang tiga jari dari kaki yang sama, tidak termasuk ibu jari	8%
u) Hilang tiga jari dari kaki yang sama, termasuk ibu jari	15%
v) Hilang empat jari dari kaki yang sama, tidak termasuk ibu jari	10%
w) Hilang empat jari dari kaki yang sama, termasuk ibu jari	20%
x) Hilang lima jari dari kaki yang sama	25%

1.2 Jadual di atas dibaca seperti berikut:

(a) hilang satu anggota bermaksud:

(i) hilang penglihatan sebelah mata secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan; atau

(ii) hilang guna secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan atau pemotongan satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki;

(b) hilang dua atau lebih anggota bermaksud:

(1) hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan; atau

(ii) hilang guna secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan atau pemotongan dua atau lebih anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki; atau

(ii) hilang guna secara menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan berkenaan semua penglihatan pada sebelah mata dan hilang guna atau kehilangan dengan sebab pemotongan satu anggota badan pada atau di atas pergelangan tangan atau kaki;

- (c) hilang jari tangan/ibu jari tangan bermaksud hilang guna menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan atau dengan sebab pemotongan mana-mana jari tangan/ibu jari tangan dari mana-mana tangan pada atau di atas sendi "metacarpophalangeal"; dan
- (d) hilang jari kaki bermaksud hilang guna menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan atau dengan sebab pemotongan mana-mana jari kaki dari mana-mana kaki pada atau di atas sendi "metacarpophalangeal"

## 2. Had Bagi Setiap Orang Yang Dilindungi

2.1 Jumlah maksima manfaat yang patut dibayar berkenaan dengan setiap Orang Yang Dilindungi adalah seperti berikut:

Orang yang Dilindungi	Jumlah Manfaat
Peserta	100%
Pasangan yang sah di sisi undang-undang dan dinamakan di dalam Jadual Takaful (jika ada)	100%
Setiap anak, anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang (jika ada)	10% daripada Jumlah Perlindungan

2.2 Pembayaran apa-apa manfaat berkenaan setiap Orang Yang Dilindungi iaitu Peserta atau Pasangan yang sah di sisi undang-undang dan dinamakan di dalam Jadual Takaful akan mengurangkan Jumlah Yang Dilindungi bagi Orang Yang Dilindungi tersebut dalam kadar mengikut jumlah manfaat yang telah dibayar.

2.3 Jika terdapat kecederaan tubuh badan tetapi kejadian yang spesifik tidak terdapat di jadual di atas, kami berhak untuk menolak untuk membayar apa-apa manfaat atau peratus daripada Jumlah Yang Dilindungi yang mana, pada pendapat kami, tidak konsisten dengan jadual di atas.

2.4 Manfaat maksima kena dibayar bagi mana-mana Orang Yang Dilindungi di bawah Sijil ini dan semua produk Takaful PA Shield yang lain yang dikeluarkan oleh kami (walau dengan apa nama sekali pun) tidak akan melebihi RM1,000,000.00, walaupun apa-apa terkandung di dalam Sijil atau apa-apa Sijil yang dikeluarkan oleh kami.

## 3. Pemulangan Semula Sumbangan Sebanyak 30% Jika Tiada Tuntutan

3.1 Anda berhak untuk mendapat pemulangan semula wang Sumbangan sebanyak Tiga Puluh Peratus (30%) daripada jumlah sumbangan yang kami terima bagi Sijil ini, untuk setiap tempoh bayaran berterusan selama Tiga (3) tahun, dalam mana Sijil ini berkuatkuasa seperti dalam Tarikh Permulaan, jika tiada tuntutan dibuat dalam masa setiap tempoh Tiga (3) tahun tersebut.

3.2 Jika ada tuntutan dibuat dalam satu tempoh Tiga (3) tahun, pemulangan semula akan bermula pada tempoh Tiga (3) tahun yang berikutnya, bermula daripada hari pertama dalam sebulan selepas tarikh kejadian Kemalangan yang menyebabkan tuntutan dibuat.

3.3 Tanpa mengambil kira kenyataan yang tersebut di atas, tidak ada pemulangan semula jika manfaat dibayar akibat daripada kematian di bawah Sijil ini.

## 4. Hilang

4.1 Kami akan membayar manfaat untuk Kematian bagi Orang Yang Dilindungi jika Orang Yang Dilindungi tersebut hilang dalam masa Dua Belas (12) bulan berturut-turut dengan bukti yang cukup, membawa kami membuat keputusan bahawa Orang Yang Dilindungi sudah meninggal dunia akibat daripada Kemalangan.

4.2 Jika Orang Yang Dilindungi tersebut tiba-tiba didapati hidup, semua manfaat yang telah dibayar hendaklah dikembalikan kepada kami.

## F. Pengecualian Risiko

### 1. Pengecualian

1.1 Kami tidak akan membayar apa-apa manfaat di bawah Sijil ini berkenaan dengan mana-mana kematian / keadaan / kecederaan / kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berkaitan dengan:

- (a) apa-apa pengionan radiasi atau pencemaran keradioaktifan daripada bahanapi nuklear atau sisa nuklear yang terjadi disebabkan peletupan bahanapi nuklear;
- (b) apa-apa keradioaktifan, toksik, letupan atau apa-apa benda yang merbahaya atau tercemar yang terjadi akibat pemasangan nuklear, reaktor atau apa-apa pemasangan nuklear yang lain atau komponen nuklear; atau
- (c) senjata peperangan yang menggunakan pembelahan atau pelakuran atom atau nuklear atau reaktor lain yang serupa atau daya keradioaktifan.

1.2 Kami tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini berkenaan dengan apa-apa kematian / keadaan / kecederaan / kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berkaitan dengan:

- (a) peperangan, penakiukan, tindakan musuh, tawanan atau operasi ala peperangan (samada peperangan diumumkan atau tidak), atau perang saudara atau tindakan keganasan;
- (b) pemberontakan, pemberontakan tentera, penentangan, revolusi, rampasan kuasa, undang-undang tentera atau pengepungan atau apa-apa sebab yang boleh menentukan pengisytiharan atau pertahanan berkenaan undang-undang tentera atau pengepungan;
- (c) apa-apa tindakan yang tidak sah di sisi undang-undang yang dilakukan oleh Orang Yang Dilindungi atau kerelaannya untuk mendedahkan diri kepada bahaya (kecuali percubaan untuk menyelamatkan nyawa seseorang), bunuh diri atau percubaan membunuh diri, kecederaan yang dilakukan sendiri, samada dalam keadaan siuman atau tidak siuman;
- (d) hamil, melahirkan anak atau kecacatan semulajadi berkenaan fizikal atau mental atau lemah;
- (e) Orang Yang Dilindungi dipengaruhi oleh dadah kecuali dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang bertauliah (tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah);
- (f) HIV (Human Immunodeficiency Syndrome) dan /atau apa-apa penyakit yang berkaitan dengan HIV termasuk AIDS atau AIDS Related Complex (ARC) tanpa mengira bagaimana ianya terjadi dan/atau apa-apa derivatif mutan, kepelbagaian atau rawatan tanpa mengira bagaimana ianya terjadi; atau
- (g) Penyakit kecuali jika ianya terjadi akibat daripada gigitan serangga, ular atau binatang.

1.3 Kami tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini berkenaan dengan apa-apa kematian / keadaan / kecederaan / kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berkaitan dengan:

- (a) terlibat dalam perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang penuh di dalam pesawat yang mempunyai lesen untuk membawa penumpang;
- (b) terlibat sebagai anak kapal, di dalam perniagaan, teknikal atau aktiviti sukan yang berkaitan dengan pesawat;
- (c) terlibat dengan perkara yang menyalahi undang-undang;
- (d) di bawah pengaruh alkohol; atau
- (e) sedang bertugas bagi tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis, bomba atau mana-mana operasi angkatan tentera atau pasukan bersenjata.

1.4 Kami tidak akan membayar manfaat di bawah Sijil ini berkenaan dengan apa-apa kematian / keadaan / kecederaan / kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berkaitan dengan:

- (a) acara payung terjun, peluncur tergantung, terjun udara, terjun scuba, "parascending" dan apa-apa aktiviti yang serupa yang berkaitan dengan pesawat;
- (b) mendaki gunung, memanjat batu atau cenuram, lompatan banji, kembara dalam gua, aktiviti dalam air yang menggunakan alat-alat pernafasan di dalam air, sukan musim sejuk (tidak termasuk "curling" dan sukan meluncur);
- (c) terlibat dengan menyelam, melombong, membalak, kerja-kerja bawah tanah;
- (d) apa-apa perlumbaan (selain menggunakan kaki atau berenang); atau
- (e) sukan sebagai profesional.

1.5 Kami tidak akan membayar apa-apa manfaat di bawah Sijil ini berkenaan dengan apa-apa kematian / keadaan / kecederaan / kejadian yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan atau berkaitan dengan Kemalangan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi jika Kemalangan berlaku ketika Orang Yang Dilindungi berada di luar Malaysia, Singapura dan Brunei selama lebih daripada Satu Ratus Lapan Puluh (180) hari berturut-turut.